

**Dato' Dr. Lee Joon-Kiong DSPN, DJN,**  
Pakar Perunding Surgeri Ortopedik,  
Hospital Beacon, Petaling Jaya dan  
Ahli Konsortium Osteoporosis Asia Pasifik (APCO), MALAYSIA

Dato' Dr Lee Joon-Kiong adalah Timbalan Pengarah Perubatan, Ketua Jabatan Surgeri Ortopedik dan Pakar Prunding Surgeri Ortopedik di Hospital Beacon, Petaling Jaya, Malaysia. Beliau juga Ketua Penyelaras Program Perkhidmatan Perhubungan Fraktur (FLS) di Hospital Beacon. Dato' Dr Lee juga berkhidmat in Advanced Neuroscience and Orthopaedic Centre (ANOC) in Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama, Dato' Dr Lee adalah Presiden Persatuan Jaringan Fraktur Tulang Rapuh Malaysia (FFNM). Beliau adalah Ketua Penyelaras Projek Perkhidmatan Perhubungan Fraktur (FLS) di bawah persatuan FFNM. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Pemandu untuk Pakatan Kesihatan Tulang Malaysia (BHAM), pakatan antara MOS-OASKLS-FFNM. Dato' Dr Lee adalah seorang ahli Jawatankuasa Pemandu Akademi Tulang Asia Pasifik dan Akademi Tulang Asia Tenggara.



Dato' Dr Lee adalah Penyelaras untuk Program Inisiatif Ortopedik Persatuan Ortopedik Asia Pasifik (APOA) - Yayasan Osteoporosis Antarabangsa (IOF) serta Penyelaras untuk Pakatan Tiga Pihak Yayasan Osteoporosis Antarabangsa (IOF) – Persatuan Densitometri Klinikal Antarabangsa (ISCD) – Persekutuan Persatuan-Persatuan Osteoporosis Asia (AFOS).

Beliau juga memegang jawatan Pengerusi Majlis Penasihat Serantau Asia Pasifik – Afrika Selatan Yayasan Osteoporosis Antarabangsa (IOF) and pengarang - Bab Malaysia - Audit Asia (2009) and Audit Asia Pasifik (2013), IOF.

Dato' Dr Lee adalah Presiden, Ahli Lembaga Pengarah and Ahli Jawatankuasa Eksekutif ISCD dan pernah memegang jawatan Pengerusi Panel Asia Pasifik ISCD.

Dato' Dr Lee adalah Pengasas dan juga pernah memegang jawatan Presiden Persatuan Kesedaran Osteoporosis Kuala Lumpur dan Selangor (OASKLS - Persatuan Orang Awam) dan juga pernah memegang jawatan Presiden Persatuan Osteoporosis Malaysia (MOS – Persatuan Doktor).

“APCO adalah suatu inisiatif penting, membentuk dan memberkembangkan penyelesaian ketara untuk mengatasi cabaran-cabaran yang melibatkan rawatan osteoporosis dan pencegahan fraktur di Asia Pasifik,” kata Dato' Dr Lee.

“Di bawah APCO, pakar-pakar osteoporosis dari beberapa negara di rantau ini menggabungkan usaha-usaha mereka untuk menunjukan beban yang bertambah berat antara masyarakat umur meningkat yang rapat di Asia pasifik.

“Pelancaran Rangkakerja APCO merupakan satu pemangkin untuk memperbaiki garis panduan osteoporosis di seluruh rantau Asia Pasifik,” Dato’ Dr Lee berkata.

**ends#**

---

**MEDIA ENQUIRIES: Kirsten Bruce & Mel Kheradi**

**VIVA! Communications**

T +61 2 9968 3741 | + 61 2 9968 1604

M + 61 401 717 566 | + 61 421 551 257

E [kirstenbruce@vivacommunications.com.au](mailto:kirstenbruce@vivacommunications.com.au) [mel@vivacommunications.com.au](mailto:mel@vivacommunications.com.au)